

Newspaper	Utusan Melayu
Date	12/08/2017

Dasar permudah kehidupan

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 OGOS

DASAR Transformasi Nasional yang diperkenalkan kerajaan bagi menambah baik perkhidmatan awam sedia ada terbukti memudahkan kehidupan rakyat, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, kalau dahulu, perkhidmatan memperbaharui pasport perlu mengambil masa sehingga 10 hari bekerja, kini cuma satu atau dua jam sahaja.

Malah jelasnya, kaunter imigresen di Pusat Transformasi Bandar (UTC) juga beroperasi pada setiap hujung minggu kecuali cuti umum.

"Bermula 2016, permohonan memperbaharui pasport juga boleh dijalankan secara dalam talian. Begitu juga permohonan MyKid dan MyKad yang dahulunya tempoh menunggu permohonan sehingga 30 hari berbanding kini hanya mengambil masa 24 jam.



NAJIB TUN RAZAK

"Kaunter Jabatan Perdana Menteri (JPM) di UTC dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) juga dibuka pada hujung minggu sehingga malam kecuali cuti umum. Ini bukan sahaja memudahkan orang ramai, malah mengelakkan kesesakan pada waktu puncak," katanya menerusi blog, www.najibrazak.com.

Tambah Perdana Menteri, satu lagi aspek penting dalam kehidupan rakyat adalah rawatan ke-

sihatan.

Jika dahulu katanya, penduduk di pedalaman terpaksa berjalan jauh untuk mendapatkan rawatan di klinik kesihatan atau hospital, namun kini Klinik Bergerak iMalaysia sanggup meredah hutan dan sungai semata-mata mahu memberi rawatan kepada orang ramai.

"Inilah yang saya katakan transformasi perkhidmatan awam iaitu usaha menyenangkan urusan orang ramai. Bukti kerajaan sentiasa meletakkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan," ujarnya.

Sementara itu, dalam akaun Facebooknya, Najib berharap seluruh rakyat sentiasa mendoakan kesejahteraan umat Islam di Palestin.

Perdana Menteri juga mengajak untuk bersama-sama memperingati perjuangan yang belum selesai di bumi bergolak itu.

"Salam Jumaat. Hari ini khutbah berkisar tentang perjuangan kita yang belum selesai di bumi Palestin.

"Saya harap kita semua terus mendoakan kesejahteraan umat Islam di sana dan kemenangan akan berpihak kepada umat Islam. Insya-Allah," katanya.

UM-12/8/2017 Pg. 3